



17 JUL, 2023

Serbu rokok seludup RM1.9j dari Vietnam

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



WAN Jamal Abdul Salam (tengah) menunjukkan kotak rokok seludup yang dirampas dari sebuah lori di Jalan Kuala Kemasin, Bachok, Kota Bharu. - Gambar NSTP/SITI ROHANA IDRIS

Serbu rokok seludup RM1.9j dari Vietnam

Kota Bharu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan mematahkan cubaan menyeludup rokok putih bernilai RM1.9 juta termasuk cukai.

Pengarahnya, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, serbuan dibuat pada awal pagi Selasa lalu di Jalan Kuala Kemasin, Bachok dekat sini.

“Menerusi intipan yang dibuat di pesisir pantai, pasukan kami mengesan aktiviti memunggah sejumlah kotak ke dalam sebuah lori jenis Isuzu.

“Bagaimanapun sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa, pemandu kende-

raan itu melarikan diri dan pemeriksaan di dalam lori menemui 250 peti yang mengandungi rokok putih. Setiap peti mengandungi 50 karton dan secara keseluruhan, rokok putih yang disita adalah berjumlah 2.5 juta batang,” katanya dalam sidang media di Pejabat Penguatkuasaan Kastam di sini, semalam.

Wan Jamal Abdul Salam berkata, kesemua rokok itu dipercayai dibawa dari Vietnam untuk pasaran ke Lembah Klang dan permintaan terhadap rokok putih sentiasa ada disebabkan harga yang lebih murah berbanding rokok lain.



17 JUL, 2023

Serbu rokok seludup RM1.9j dari Vietnam

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

WAN Jamal Abdul Salam (tengah) menunjukkan kotak rokok seludup yang dirampas dari sebuah lori di Jalan Kuala Kemasin, Bachok, Kota Bharu. - Gambar NSTP/SITI ROHANA IDRIS

Kota Bharu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan mematahkan cubaan menyeludup rokok putih bernilai RM1.9 juta termasuk cukai. Pengarahnya, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, serbuan dibuat pada awal pagi Selasa lalu di Jalan Kuala Kemasin, Bachok dekat sini.